

Lembaran Pendedahan Produk

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk membeli Refugee Medical Insurance Program (REMEDI) – Insurans Penghospitalan dan Pembedahan (“Polisi Induk”). Pastikan Anda juga telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am di dalam Polisi Induk).

Disediakan untuk: _____ Tarikh Cetakan: _____

Penyedia Khidmat Kewangan	: Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Allianz”/”Kami”)
Nama Produk	: Program Insurans Perubatan Pelarian (REMEDI) - Insurans Penghospitalan dan Pembedahan
Pemegang Polisi Induk	: Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (“UNHCR”) bagi Pelarian dan Pencari Suaka Berdaftar di Malaysia

1. Apakah produk ini?

Refugee Medical Insurance Program (REMEDI) – Insurans Penghospitalan dan Pembedahan adalah skim insurans hospital dan pembedahan yang boleh diperbaharui setiap tahun, direka untuk mengurangkan beban kewangan pelarian dan pencari suaka sekiranya dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat akibat kemalangan atau penyakit.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Pelan ini menyediakan perlindungan bagi manfaat-manfaat berikut:

Perkara	Manfaat	Amaun (RM)
1	Bilik Hospital & Makan Harian (maksimum sehingga 30 hari)	Bayaran yang dikenakan mengikut bayaran yang selaras dengan Bilik & Makan Kelas Ketiga (ke-3) sehingga maksimum RM160.00 sehari di Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat mengikut Akta Fi 1951 Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.
2	Unit Rawatan Rapi (maksimum sehingga 15 hari)	
3	Bekalan dan Khidmat Hospital	
4	Bilik Bedah	
5	Bayaran Pembedahan (tidak merangkumi pemindahan organ)	
6	Bayaran Pakar Bius	
7	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (maksimum sehingga 30 hari)	
8	Lawatan Rundingan Pakar Dalam Hospital (maksimum sehingga 30 hari)	
9	Bayaran Ambulans/Bayaran Laporan Perubatan	
Had maksimum untuk mana-mana satu kemasukan ke hospital		10,000.00
Had Tahunan Keseluruhan Maksimum (Perkara 1 hingga 9)		20,000.00

Nota: Sila rujuk kepada Polisi Induk untuk senarai penuh ciri-ciri dan manfaat-manfaat di bawah Polisi Induk ini.

Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu perbaharui perlindungan insurans Anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

	Amaun
Setiap pelarian/pencari suaka	RM105

Nota: Premium tertakluk kepada 8% Cukai Perkhidmatan, dan Duti Setem RM10 juga perlu dibayar atas Polisi Induk ini.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	10% daripada premium
Cukai Perkhidmatan	8%
Yuran Organisasi Pengurusan Penjagaan (MCO)	RM15.00

Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan (“CP”) di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

(a) Kewajipan Penzahiran

• Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda sebagai pemegang polisi atau orang yang diinsuranskan, memohon Insurans ini sepenuhnya **bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda sebagai pemegang polisi atau orang yang diinsuranskan mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak

• Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda sebagai pemegang polisi atau orang yang diinsuranskan, memohon Insurans **bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda sebagai pemegang polisi atau orang yang diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu adalah berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan penzahiran ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- (b) Anda mesti memastikan bahawa butiran Anda bagi perlindungan di bawah Polisi Induk diisi dengan lengkap dan betul.
- (c) **Tunai sebelum perlindungan** – Premium insurans mesti dibayar dan diterima oleh Allianz/ejen yang sah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh permulaan polisi. Jika syarat ini tidak dipatuhi, polisi ini akan dibatalkan secara automatik dan Allianz berhak mendapat premium secara pro-rata untuk tempoh yang telah ditanggung.
- (d) **Kelayakan** – Individu yang layak untuk perlindungan insurans di bawah Polisi Induk adalah pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) di Malaysia yang berumur dari lapan belas (18) hingga enam puluh (60) tahun.
- (e) **Tempoh Tangguh** – Perlindungan Anda tertakluk kepada tempoh tangguh selama tiga puluh (30) hari yang dikira dari permulaan tempoh insurans untuk tahun pertama perlindungan Anda atau tarikh pengembalian semula, mana-mana yang berkenaan. Kami tidak bertanggungjawab untuk membuat sebarang bayaran di bawah perlindungan Anda bagi caj-caj kemasukan hospital atau pembedahan yang ditanggung akibat sebarang kemalangan atau penyakit yang berlaku semasa Tempoh Tangguh ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sebarang penghospitalan, pembedahan, atau caj yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana kejadian berikut:

- (a) Penyakit sedia ada;
- (b) Penyakit tertentu yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama bagi perlindungan berterusan;
- (c) Pembedahan plastik/kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomy Radial) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya;
- (d) Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh insurans;
- (e) Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV (Sindrom Kurang Daya Tahan Manusia), dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang;
- (f) Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk penyakit kongenital/keabnormalan atau kecacatan termasuk penyakit keturunan;
- (g) Kelahiran, keguguran, atau sebarang komplikasi yang timbul daripada kehamilan kecuali semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impotensi atau pensterilan;

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

- (h) Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis ketidakupayaan yang dilindungi yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh pakar perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan;
- (i) Tidak siuman, perbuatan membunuh diri atau percubaan untuk melakukannya atau kecederaan diri yang disengajakan;
- (j) Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera;
- (k) Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuclear;
- (l) Perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan mana-mana organ tubuh oleh orang yang diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya;
- (m) Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain;
- (n) Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi orang yang diinsuranskan;
- (o) Gangguan psikotik, mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya);
- (p) Kos/belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat telex, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak;
- (q) Ketidakupayaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak dibenarkan;
- (r) Ketidakupayaan yang timbul daripada penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan; dan
- (s) Perbelanjaan yang ditanggung untuk pembedahan atau prosedur untuk pertukaran jantina atau sebarang ketidakupayaan yang timbul akibatnya.

7. Bolehkah saya batalkan Polisi ini?

(a) Penamatan oleh Pemegang Polisi

Jika UNHCR sebagai Pemegang Polisi Induk memberi notis kepada Allianz untuk menamatkan Polisi Induk ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis yang diterima oleh Allianz atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, yang mana kemudian. Walaupun Polisi Induk ini ditamatkan, perlindungan individu orang yang diinsuranskan dibawah Polisi Induk ini akan terus berkuat kuasa sehingga tamat tempoh insurans seperti yang dinyatakan dalam di sijil insurans dan premium yang dibayar untuk perlindungan tersebut tidak akan dikembalikan.

(b) Penamatan oleh Orang Yang Diinsuranskan

Jika Anda sebagai orang yang diinsuranskan memberi notis kepada Allianz untuk menamatkan perlindungan Anda di bawah Polisi Induk ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis yang diterima oleh Allianz atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, yang mana kemudian. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan perlindungan Anda, kadar jangka pendek di bawah akan dipakai, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat dalam tempoh insurans yang timbul pada ketika itu dan premium yang berkaitan akan dikembalikan sewajarnya kepada Anda.

Skala Kadar Jangka Pendek:

Tempoh Tidak Melebihi	Bayaran Balik Premium Tahunan
15 hari	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik

(c) Penamatan oleh Allianz

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Sekiranya Kami menamatkan Polisi Induk ini atau mana-mana perlindungan individu di bawah Polisi Induk ini menurut syarat Salah Nyataan Atau Peninggalkan Fakta Penting di dalam Polisi Induk, atau dengan perintah pihak berkuasa atau pemerintah, Kami akan memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada Pemegang Polisi Induk atau orang yang diinsuranskan, mana-mana yang mungkin, di alamat terakhirnya di Malaysia. Penamatan tersebut akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut.

Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan Polisi Induk ini atau perlindungan individu orang yang diinsuranskan di bawah Polisi Induk ini, mana-mana yang berkenaan, premium akan dikembalikan secara pro-rata kepada orang yang diinsuranskan dengan syarat tidak terdapat apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam tempoh insurans yang timbul pada ketika itu dan pemulangan tersebut tidak dilarang oleh undang-undang.

(d) Penamatan Automatik Insurans Individu

Insurans bagi mana-mana satu orang yang diinsuranskan akan tamat secara automatik apabila berlaku kejadian-kejadian berikut, yang mana lebih awal:

- (i) apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia atau apabila kehabisan Had Tahunan Keseluruhan bagi orang yang diinsuranskan; atau
- (ii) pada tarikh apabila pembayaran premium bagi orang yang diinsuranskan diberhentikan atas sebarang sebab; atau
- (iii) apabila orang yang diinsuranskan keluar dari Malaysia untuk apa jua alasan; atau
- (iv) apabila orang yang diinsuranskan tidak lagi didaftarkan dengan Pemegang Polisi Induk sebagai pelarian atau pencari suaka atau kad pendaftaran orang yang diinsuranskan dengan Pemegang Polisi Induk telah luput, atau
- (v) pada tengah malam (waktu piawai Malaysia) pada hari terakhir tempoh insurans walaupun orang yang diinsuranskan telah mencapai umur enam puluh (60) tahun bila-bila masa dalam tempoh insurans, melainkan pada waktu tersebut orang yang diinsuranskan terlantar di sebuah hospital. Jika keadaan ini berlaku, perlindungan orang yang diinsuranskan akan dilanjutkan dengan sewajarnya dan akan tamat secara automatik jika berlakunya perkara-perkara yang berikut, mana-mana yang berlaku terdahulu:
 - (1) apabila orang yang diinsuranskan keluar dari Hospital; atau
 - (2) apabila Had Tahunan Keseluruhan telah dihabiskan dahulu.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Anda perlu memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan dalam alamat dan butiran peribadi Anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada Anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan kepada ejen berdaftar Kami, pejabat cawangan atau khidmat pelanggan Kami.

9. Bagaimanakah cara untuk saya membuat tuntutan?




Anda boleh melawati allianz.com.my untuk mengetahui cara-cara untuk membuat tuntutan. Anda dinasihatkan untuk menghantar sebarang tuntutan (sekiranya ada) kepada Kami secepat mungkin.

10. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, Anda boleh menghubungi Kami atau mana-mana cawangan Kami, atau ejen insurans Anda pada bila-bila masa yang sesuai.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542
Emel: customer.service@allianz.com.my
  AllianzMalaysia
 allianz.com.my

Nota Penting:

Anda perlu membaca dan memahami Polisi insurans ini serta berbincang dengan ejen atau menghubungi syarikat insurans secara langsung untuk maklumat lanjut.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula October 2024.